Demi meredakan ketegangan politik dan kemelut monopoli ekonomi hasil Tanah Hijau, Raka dan Puteri Ayu mengumumkan berita pernikahan mereka.
"Kalaulah dia hidup, antara dia dan aku, siapa yang kau pilih untuk kekal di takhta?"- Raka Segara.
"Betapa besar sekalipun kuasa yang kita ada, atau betapa hebatnya teknologi yang kita punya, kita cuma makhluk. Dan sebagai makhluk, kita ada tarikh luput." - Raja Wirabandra Widipa.
"Bukan jalan seperti ini yang ayahanda mahu lihat dalam hidupmu anakandaku…" - Raja Mahsabumi.
"Kita sudah membuat pakatan! Kau jadi raja Indrasakti! Aku yang patut duduk di singgahsana ini! Kau tak patut gelar diri kau sebagai raja Indrakayangan yang baru! Kau pun tahu, rakyat Indrakayangan takkan terima orang asing sebagai raja mereka!" - Kratos.

“Aku jadi makin keliru. Bagaimana cinta boleh mengubah hati. Makin aku renung, makin aku fahami satu perkara. Cinta bukan bermaksud dengan siapa kau suka pada bila-bila masa. Tapi dengan siapa yang akan bertahan memegang perasaan itu denganmu sehingga ke akhirnya...." - Puteri Ayu Wijayamala.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855233**
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Selarik Hikayat / Amer Hmzah L. Kadir
Kuala Lumpur: Persatuan Penulis National Malaysia (PENA), 2021
vi, 191p. : 19cm.
9789675485237
1. Malay fiction.
2. Malaysian fiction (Malay).

$ 17.50 / PB
155gm.

Selarik Hikayat mengetengahkan subjek ketamadunan Melayu pada zaman sebelum Melaka diserang oleh Portugis. Plot cerita dibangunkan melalui teknik imbas kembali, dengan memaparkan subjek kepandaian orang Melayu dalam pelayaran dan teknologi pembuatan senjata. Teras ideologinya mengangkat semangat nasionalisme dan patriotisme; manakala idealismenya dipaparkan melalui kearifan Melayu dalam dunia pelayaran dan teknologi pembuatan senjata. Naratifnya mendialog hubungan antarabangsa dalam konteks kehadiran tentera Turki di Melaka. Bahasanya kreatif, imaginatif serta kuat menunjang subjek persoalan, sekali gus mendukung idea, pemikiran dan ideologi.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855234**
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Kuala Lumpur Di Sebalik Bulan / Hafizah Iszahanid
Kuala Lumpur: Persatuan Penulis National Malaysia (PENA), 2021
vi, 248p. ; 19cm.
9789675485268
1. Malay fiction.
2. Malaysian fiction (Malay).

$ 17.50 / PB
240gm.

Novel ini mengemukakan idealisme tentang kehidupan sosial golongan wanita marginal di Kuala Lumpur, iaitu Fei, Fati dan Ana. Mereka mewakili segelintir wanita yang mengalami kompleksiti pengalaman hidup berumah tangga kesan daripada dominasi golongan lelaki. Ketiga-tiga wanita ini ditemukan di sebuah rumah di atas kedai dan penderitaan mereka terbongkar kerana situasi kehidupan sosial yang menyebabkan mereka terpenjara dalam dominasi kaum lelaki. Isu budaya menjadi pokok persoalan yang menguji nilai kemanusiaan dan kebenaran.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855235**
-----------------------------------------------------------------------------------------------
Menunggu Tuan Juragan Yang Belum Pulang / Mahizan Husain
Kuala Lumpur: Persatuan Penulis National Malaysia (PENA), 2021
Vi, 385p. ; 18.5cm x 13cm.
9789675485282
1. Malay fiction.
2. Malaysian fiction (Malay).

$ 25.00 / PB
360gm.

Menunggu Tuan Juragan yang Belum Pulang merupakan fiksyen spekulatif tentang kehidupan masyarakat abad ke-15 di Melaka dengan suasana ekonomi dan politik berserta demografinya memberikan keunikan yang tersendiri.
Watak pemuda Melayu, Atriya anak Melaka berusia 16 tahun, yang memiliki kearifan ilmu pelayaran ditampilkan untuk memberikan citra kejaguhan bangsa Melayu dalam dunia maritim. Selain itu, terlihat 'pembetulan' perspektif sejarah tentang siapakan perompak laut yang sebenarnya. Kekuatan naratif yang didukung oleh manipulasi bahasa dapat mewakili sebuah odisi pelayaran Melayu.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855236**
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Hey Jodoh! / Hanni Ramsul
Wangsa Maju, Kuala Lumpur: Penerbitan Kaki Novel Sdn Bhd, 2022
657p.
9789670874784

1. Malaysia Fiction (Malay).
2. Malay fiction.

$ 14.00 / PB
500gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855237**
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Sang Perisik Cinta / Farhani Abd Aziz
Wangsa Maju, Kuala Lumpur: Penerbitan Kaki Novel Sdn Bhd, 2023
637p.
9789670874807

1. Malaysia Fiction (Malay).
2. Malay fiction.

$ 13.50 / PB
505gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855238**
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Rumah Kabilah Jin / Anuar Darwisy
Wangsa Maju, Kuala Lumpur: Penerbitan Kaki Novel Sdn Bhd, 2023
425p.
9789670874821

1. Malaysia Fiction (Malay).
2. Malay fiction.

$ 14.00 / PB
340gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855239**
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Pari-Pari Suria / Nadhirah Ghani
Selangor: Nusa Centre, 2023
266p.
9789672428817
$ 12.50 / PB
300gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855240**
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Cantara Berkunang-Kunang: Kumpulan Cerpen / Nurin Amani
Kumpulan Cerpen
Selangor: Nusa Centre, 2023
186p.
9789672428701

$ 12.50 / PB
145gm.

Tentang dunia perempuan yang bermain-main di lingkungan langit yang berbeza, dan menawarkan keajaiban dalam kehidupan masing-masing dengan penuh cerita. Seperti Tuhan mengizinkan hal-hal baik selalu menemani manusia, lalu himpunan cerita ini mengizinkan kamu bercakap-cakap tentang hal sederhana. Membaca dan berjalan-jalanlah dalam kehidupan perempuan-perempuan itu, untuk mengutip falsafah diri sendiri dan ceritakan kepada dunia.
---
"Nurin Amani melalui kumpulan cerpen ini memperlihatkan gaya penulisan yang memikat, dengan gaya bahasa sastera yang segar. Sebagai seorang penulis wanita, beliau membawa pelbagai isu gender ini dalam kehidupan manusia dengan suatu pemikiran dasar bahawa hanya dengan berpegang pada tali Allah, manusia khususnya wanita terselamat dari kompleksiti kehidupan pascamoden." - Dato' Dr. Anwar Ridhwan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855241**
------------------------------------------------------------------------------------------------
Pertentangan / S. Othman Kelantan
Selangor: Nusa Centre, 2023
246p.
9789672428664
$ 15.00 / PB
190gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855242**
------------------------------------------------------------------------------------------------
Gagak Tak Akan Berubah Putih / Hidayyah AT Mizi
Selangor: Nusa Centre, 2023
52p.
9789672428800
$ 6.00 / PB
55gm.

"Gagak Tidak Akan Berubah Putih" adalah sebuah kumpulan 40 puisi yang merangkum perjalanan hidup manusia dan pengaruh dari haiwan-haiwan di sekitarnya. Dalam buku ini, penulis mengkritik situasi politik dan perilaku individu di media secara sinis namun segar dengan gaya humor. Melalui puisi-puisi yang penuh kejutan, buku ini mampu membangkitkan kesedaran dan memberikan hiburan kepada pembacanya. Temukan pengalaman baru dalam membaca kritikan sosial yang unik dan menarik dalam "Gagak Tidak Akan Berubah Putih".
**http://www.marymartin.com/web?pid=855243**
------------------------------------------------------------------------------------------------
Insomnia Cakerawala / Tan Wei Jer
Selangor: Nusa Centre, 2023
52p.
9789672428695
$ 6.00 / PB
30gm.

35 buah puisi bercambah melewati 11 tahun sebagai seorang perantau di bawah bulan yang sama tetapi tanah yang berbeza, dibaur rencah perasaan dan insomnia yang tidak terbilang. Setiap bait adalah hasil eksperimen dan pengakuan terhadap pancaroba yang diturunkan dalam memberikan kepelbagaian corak kehidupan dan daya imaginasi. Setiap halaman adalah fragmen realiti buat seseorang yang sentiasa bergelung dalam hidup nomadnya. Selagi nafas masih berlangsung, cakerawala tidak akan mati, begitu juga dengan puisinya.

http://www.marymartin.com/web?pid=855244
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Sempurna Ada Kamu / Nur Mawarnafastari, Eza Aiza Zainal, Khairunnisa Hamzah, Zaisya Shukor
Petaling Jaya, Selangor: Bonda Nor Sdn Bhd, 2023
iv, 116p.
9789670018270
$ 10.00 / PB
110gm.

Book Details:
Pening kepala kalua dapat adik beradik atau sahabat yang tak sekepala! Susahnya nak faham mereka.
Itulah yang berlaku pada Idham, Kamal, Mikail, Anna dan Wahida. Yang ini introvert, yang itu pula ekstrovert, eh … si ambivert pun ada!
Konflik demi konflik terus berlaku. Mampukah mereka memahami satu sama lain lalu menghargai perbezaan personality masing-masing atau perpisahan adalah jalan penyelesaian yang terbaik?
http://www.marymartin.com/web?pid=851408
----------------------------------------------------------------------------------------------
Sweet 17 / Intan Suraini, Nur Hanisah, Akashah Kassim
Petaling Jaya, Selangor: Bonda Nor Sdn Bhd, 2023
iv, 128p.
9789670018256
$ 10.00 / PB
130gm.

Hidupnya sarat dengan cabaran. Hidup dalam kesempitan kewangan, membesar pula dalam keluarga yang terlibat dengan perceraian, ternyata hidup Afiya tidaklah seindah Impian.
Di sekolah pula, teruji dengan lamaran cinta, terpaksa berdepan pula dengan fitnah yang mencemarkan nama baiknya.
Sungguh, kemelut hati yang terpaksa ditanggung Afiya bukan sembarangan! Luka hatinya bertimpa-timpa! Mampukah Afiya menikmati kemanisan fasa Sweet Seventeen seperti gadia-gadis lain seusianya?
http://www.marymartin.com/web?pid=851407
----------------------------------------------------------------------------------------------
Hidup Mesti Terus / Kushairi Ismail, Amin Aziz, Ismail Hussain
Petaling Jaya, Selangor: Bonda Nor Sdn Bhd, 2023
iv, 124p.
9789670018249
$ 10.00 / PB
100gm.

Anak manja daripada keluarga berada. Sofea Amani kemudiannya didatangi ujian yang bertimpa-timpa! Keluargamya tiba-tiba teruji, seorang demi seorang insan kesayangannya pergi, bahkan sahabat yang dia percayai juga akhirnya mengkhianati.
Bagaimana Sofea Amani bangkit daripada jujukan pengalaman ini? Ya, dia bukan lagi gadis manis yang mudah menangis! Sejarah membuatkan dirinya menjadi remaja yang lebih matang, tenang dan berprinsip. Kehidupan yang lalu telah membentuk siapa dirinya pada hari ini!
http://www.marymartin.com/web?pid=851409
----------------------------------------------------------------------------------------------
Dunia Tipu-Tipu / Liza Suhana Ramli, Saadiah Kamiso, Haryati Hamim, Amla Mat Rawi
Petaling Jaya, Selangor: Bonda Nor Sdn Bhd, 2023
iv, 104p.
9789670018300

$ 10.00/ PB
110gm.

Setiap orang punya Impian dan keinginan. Setiap hari, melihat kehidupan orang lain yang terpamer di media sosial, memang teruji juga hati dengan rasa dengki dan kurang bersyukur terhadap takdir diri sendiri.
Lalu adakalanya kita tergelincir daripada landasan lalu melakukan kesilapan demi kesilapan. Namun suatu Ketika, akhirnya kita sedar, hidup bukan perlu dibebankan dengan penyesalan tapi perlu disibukkan dengan pembetulan. Memilih untuk menyusur Cahaya atau mahu terus hidup bergelap gelita, kitalah yang menetukannya!
http://www.marymartin.com/web?pid=851410
------------------------------------------------------------------------------------------
Ikon X / Rafiuddin Rohani, Hamka Idris, Rozilawati Mohamed, Zulkifli Che Noh
Petaling Jaya, Selangor: Bonda Nor Sdn Bhd, 2023
iv, 132p.
9789670018294
$ 10.00 / PB
135gm.

Empat remaja bermasalah dan terlibat dengan pelbagai jenayah juvana – Epul, Namie, Zaki dan Myra. Selama ini, mental mereka terkurung dengan segala pemberontakan jiwa.
Kini, bukan setakat mental saja teruji, bahkan fizikal mereka turut terkurung sekali. Stress dan putus asa silih berganti!
Namun, hadirnya seorang lelaki misteri telah mengubah landasan hidup mereka. Siapa Ikon X sebenarnya?
http://www.marymartin.com/web?pid=855245
------------------------------------------------------------------------------------------

## *Politics / Current Affairs*

UMNO Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu / Jamaie Haji Hamil
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018
272p.
Include Index.
9789679426434

1. UMNO.
2. Malay—Econimic aspects.
3. Malaysia—Politics and Government.

$ 20.00 / PB
385gm.

UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu membincangkan peranan UMNO yang melibatkan orang Melayu dalam bidang perniagaan, iaitu suatu bidang yang selama ini jarang diceburi oleh orang Melayu lantaran dasar diskriminasi kolonial dan sistem ekonomi dualisme yang dibawa penjajah untuk terus meminggirkan orang Melayu daripada menguasai bidang ekonomi. Keterbelakangan dan kemunduran sosioekonomi orang Melayu menjadi keresahan segolongan elit politik dan intelektual Melayu yang dapat menembusi kealpaan kepimpinan elit Melayu agar tanggungjawab yang lebih besar harus dimainkan oleh mereka supaya kedudukan sosio-ekonomi orang Melayu ditingkatkan.
http://www.marymartin.com/web?pid=855246
------------------------------------------------------------------------------------------
Dasar Fiskal: Perkembangan Dan Isu Semasa / Riayati Ahmad & Nurul Aishah Khairuddin
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023

138p.
Include Index.
9786297547268
$ 20.00 / PB
200gm.

Buku ini dihasilkan daripada topik-topik penyelidikan terpilih berkaitan dasar fiskal. Hasil penyelidikan dan input ini telah kami susun semula mengikut kesesuaian agar lebih menarik. Topik-topik pilihan ini dibincang dan dikaji sesuai dengan perkembangan dan pelaksanaan dasar fiskal semasa. la bukan sahaja mengambilkira jumlah hasil dan perbelanjaan sesebuah negara tetapi juga menitikberatkan bagaimana pengurusan fiskal itu dilakukan yang merangkumi penetapan peraturan fiskal, pembaharuan fiskal dan lain-lain.
Buku ini diterbitkan dengan tujuan mengumpulkan semua perbincangan topik-topik penyelidikan terpilih dan ia sesuai dijadikan rujukan para pelajar, pensyarah dan sesiapa sahaja untuk mengetahui dan memahami perkembangan semasa berkaitan pelaksanaan dasar fiskal yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Penekanan dalam buku ini bukan sahaja kepada teori berkaitan dasar fiskal, tetapi juga menitikberatkan isu pengurusan fiskal, penetapan peraturan fiskal, pembaharuan fiskal dan lain-lain. Selain itu, pembuktian secara empirikal beberapa topik terpilih dan juga pelaksanaan dasar fiskal terutama ketika berhadapan dengan cabaran dan krisis semasa seperti ketika berhadapan pandemik COVID-19 turut dibincangkan. Diharapkan buku ini mampu memberi ilmu berguna kepada disiplin pengajian ekonomi fiskal. Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan buku ini. Ucapan penghargaan ditujukan khas kepada Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya Fakulti Ekonomi dan Pengurusan yang memberi sokongan kewangan untuk menerbitkan buku ini melalui Geran Galakan Penerbitan Buku (GGPB) (EP-2021-048) dan Geran Inisiatif Penyelidikan (GIP) (EP2021-018). Ucapan penghargaan juga diberikan kepada semua pihak termasuk penilai dan para pelajar yang memberi komen dan maklum balas bagi meningkatkan kualiti buku ini. Tidak lupa juga, jutaan terima kasih kepada Penerbit UKM yang menerbitkan buku ini.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855247**
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Intersectionality Dan Naratif Politik Wanita Cina Di Semenanjung Malaysia / Nurul Asmaa Ramli & Kartini Aboo Talib @ Khalid
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023
310p.
Includes Index.
9789672519881
$ 25.00 / PB
460gm.

Pada awal abad ke-19, kebanyakan imigran wanita Cina yang dibawa masuk ke Tanah Melayu adalah comfort women, fenomena ini berubah setelah dasar kerajaan Inggeris membenarkan buruh wanita Cina membawa bersama anggota keluarga untuk menetap di Tanah Melayu. Dengan populasi migran Cina yang semakin meningkat, proses urbanisasi dan modernisasi mendorong wanita Cina peka dengan penglibatan dalam persatuan dan politik. Sebelum merdeka, budaya politik wanita Cina di Tanah Melayu adalah berkiblatkan ideologi Tanah Besar Cina. Ini dapat dilihat antaranya melalui penglibatan aktif imigran wanita Cina dalam Parti Komunis Malaya (PKM). Hakikatnya, naratif budaya politik wanita Cina di Malaysia sangat dinamik, iaitu berubah mengikut masa dan keadaan. Buku ini membincangkan budaya politik wanita Cina di Semenanjung Malaysia dengan mengupas proses sosialisasi serta cabaran politik melalui kerangka teori Intersectionality yang menuntut faktor multidimensional yang saling berkait dan bertindan dihujah secara sederap dalam memahami evolusi dan penglibatan wanita Cina dalam politik yang sering kali dilihat pasif.

http://www.marymartin.com/web?pid=850935
------------------------------------------------------------------------------------------------

*Psychology*

Anakku Ammar: Perjuangan Kesedaran Autisme / Z.J. Zalina
Kelana Jaya, Selangor: Fudzail Publications, 2023
137p.
9789672680970
$ 10.50 / PB
164gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=851147**
--------------------------------------------------------------------------------------------
Wanita Bangkit / Pasukan Penulis Akademi Bonda Nor
Kuala Terengganu: Bonda Nor Resources, 2022
xxii, 402p.
9789670018003

1. Muslim women – Conduct of life – Anecdotes.
2. Motivation (Psychology) – Anecdotes.
3. Self-actualization (Psychology) – Anecdotes.
4. Successful people – Anecdotes.

$ 20.00 / PB
575gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855248**
----------------------------------------------------------------------------------------------

*Religion-Islam*

Sensitiviti Agama Menurut Pandangan Penganut Islam, Buddha, Hindu Dan Kristian di Lembah Klang / Nur Syarihah Muhammad Shah & Nur Farhana Abdul Rahman
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023
152p.
9786297547275
$ 17.50 / PB
240gm.

Keharmonian agama di Malaysia merupakan agenda utama dalam Matlamat Pembangunan Mapan di Malaysia. Buku Sensitiviti Agama: Pandangan Penganut Islam, Buddha, Hindu dan Kristian di Lembah Klang ini ditulis atas tiga faktor utama. Pertama, penulis mendapati isu sensitif agama masih dibangkitkan saban tahun di Malaysia khasnya di Lembah Klang sama ada isu tersebut berulang atau isu yang dibangkitkan adalah isu baru dalam masyarakat. Perkara ini telah menimbulkan pertelingkahan antara masyarakat sehingga pernah menjejaskan keharmonian antara masyarakat. Kedua, penulis mendapati sebahagian masyarakat tidak mengetahui perkara-perkara yang boleh mengganggu sensitiviti penganut agama sehingga berlakunya tindakan yang boleh melanggar sensitiviti agama. Kekurangan pengetahuan tentang perkara yang dibolehkan dan tidak dibolehkan dalam agama sama ada agama yang dianuti atau agama- agama lain mendorong sebahagian masyarakat melakukan tindakan yang menimbulkan rasa tidak senang penganut agama tertentu. Ketiga, berdasarkan pembacaan yang dilakukan didapati bahawa sebahagian masyarakat tidak mengetahui limitasi dalam toleransi terutamanya limitasi yang telah digariskan dalam agama mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka bertindak melakukan sesuatu tindakan yang melanggar batasan agama sehingga menimbulkan rasa tidak senang penganut yang sama agama dengan mereka. Hal ini kerana, agama mereka akan dipandang serong oleh penganut agama lain. Berdasarkan faktor yang telah dinyatakan, penulis mengambil langkah menghasilkan

penulisan ini dengan menekankan tentang isu-isu sensitif agama yang berlaku dalam hubungan sosial masyarakat. Penulis juga menjelaskan tentang isu yang paling sensitif menurut penganut Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Selain itu, penulis turut menjelaskan tentang konsep yang boleh dijadikan panduan oleh penganut Islam, Buddha, Hindu dan Kristian dalam memandu mereka terutamanya ketika berinteraksi dengan mana-mana penganut agama agar tidak melanggar limitasi dalam toleransi. Akhir sekali, penulis menutup penulisan dengan menyatakan dua aspek penting yang perlu ditekankan oleh setiap individu dalam menjaga keharmonian masyarakat iaitu sikap dan persekitaran sosial.
http://www.marymartin.com/web?pid=854590
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Konsep dan Pelaksanaan Jihad bagi Wanita dari Perspektif Sarjana Islam dan Barat / Shahidatul Ashikin Shahran, Najah Nadiah Amran & Latifah Abdul Majid
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023
230p.
Include Index.
9786297547114
$ 17.50 / PB
330gm.

Sebahagian sarjana Barat memandang bahawa jihad sebagai aktiviti yang berbentuk kekejaman, kekerasan, dan keganasan. Sedangkan konsep jihad di dalam Islam adalah luas dan ruang lingkupnya tidak hanya tertumpu kepada jihad perang menggunakan kekuatan senjata semata-mata. Kajian-kajian lepas oleh sarjana Barat menonjolkan bahawa kaum wanita turut terlibat dalam aktiviti jihad di medan peperangan. Penglibatan tersebut didakwa sebagai aktiviti keganasan dan ada segelintir wanita dipergunakan bagi tujuan tersebut. Tiga karya dianalisis untuk meneroka pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh sarjana Barat dalam memperihalkan tentang (a) konsep jihad, (b) bentuk dan (c) bidang-bidang jihad yang disertai oleh wanita Islam. Kepelbagaian pendekatan yang digunakan oleh sarjana barat dalam memahami teks dan kes-kes berkaitan jihad menatijahkan keunikan dan kepelbagaian pandangan mereka dalam perkara tersebut. Buku ini adalah hasil adaptasi tesis Sarjana Pengajian Islam yang bertajuk Konsep dan Pelaksanaan Jihad bagi Wanita dalam Karya Sarjana Barat Bagi memahami konsep jihad yang dibincangkan oleh sarjana Barat khususnya berkaitan dengan jihad wanita, buku ini menampilkan kupasan berkaitan kategori dan bentuk-bentuk bidang jihad yang dilaksanakan oleh kaum wanita berdasarkan perbincangan sarjana Islam dan secara khususnya meneroka tiga karya sarjana Barat bertajuk Jihad beyond Islam, Understanding Jihad dan Inside The Gender Jihad Women's Reform in Islam. Kajian terhadap karya-karya tersebut dilaksanakan supaya salah faham mengenai jihad dapat diperbetulkan mengikut acuan al-Quran dan al-Sunnah, serta menolak segala pandangan yang diutarakan oleh Barat dalam mengekploitasikan dunia untuk mengikut acuan mereka. Buku ini terbahagi kepada lima bab. Bab pertama membicarakan tentang isu dan kontroversi mengenai jihad. Manakala bab kedua meneroka konsep jihad secara komprehensif berdasarkan perspektif sumber Islam dan sarjana Muslim dan barat. Bab ketiga pula fokus kepada perbincangan berkaitan karya-karya barat dan pendekatan mereka dalam memahami konsep jihad. Bab keempat menjelaskan pandangan sarjana barat berkaitan bentuk-bentuk perlaksanaan jihad yang dilakukan oleh golongan wanita dan bab kelima merumus dan menyimpulkan keseluruhan perbincangan dengan memberikan perhatian terhadap implikasi terhadap pemahaman konsep jihad berdasarkan kepelbagaian pendekatan yang digunakan oleh sarjana-sarjana barat dalam memahami dan menjelaskan makna dan bidang jihad.
http://www.marymartin.com/web?pid=849337
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Fiqh Al-Ta'ayush: Malaysia Dalam Konteks Hubungan Sosio-Agama / Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahya
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023
402p.

Include Index.
9789672519829
$ 32.50 / PB
600gm.

Fiqh al-Taᶜayush Malaysia dalam Konteks Hubungan Sosio-Agama mengadunkan ᶜurf, realiti dan keperluan hubungan sosio-agama tempatan yang berkonsepkan integrasi mesra berasaskan ikatan Kontrak Sosial dalam Perlembagaan Persekutuan yang melatari sejarah kemajmukan dan menjiwai prinsip-prinsip kesejagatan Islam dalam bertaᶜayush. Bersesuaian dengan fiqh yang kukuh dalam soal prinsip dan bersifat anjal dari sudut pelaksanaan yang biasanya dipengaruhi oleh faktor persekitaran, maka pentafsiran yang mengambil pendekatan tempatan sejauh yang dibenarkan oleh teori ᶜurf diaplikasikan dalam buku ini sebagai hidangan istimewa buat masyarakat Malaysia yang dahagakan solusi kelestarian hubungan sosio-agama. Kemajmukan Malaysia yang terbentuk hasil dari perkembangan beberapa peristiwa yang melatari sejarah negara telah mewarnai keunikan hubungan sosio-agama tempatan. Kerencaman budaya, undang-undang negara dan isu-isunya yang tersendiri telah mencabar keintelektualan sarjana Islam sehingga munculnya seruan melestarikan hubungan sosio-agama menerusi pendekatan Fiqh al-Taᶜayush Malaysia. Walau bagaimanapun, konsep fiqh kontemporari yang dicanang sebagai solusi kelestarian hubungan sosio-agama ini sering tersirna dengan konsep fiqh hubungan kemasyarakatan silam atau di luar konteks tempatan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855249**
----------------------------------------------------------------------------------------------------
Usul Fiqh: Prinsip & Solusi Penentuan Hukum / Muhammad Adib Samsudin, Mohammad Zaini Yahaya & Muhammad Nazir Alias
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023
209p.
Include Index.
9786297547374
$ 17.50 / PB
325gm.

Segala puji kepada Allah SWT yang telah memberi hidayah kepada kita. Tiadalah kita memperoleh hidayah tanpa petunjuk daripada-Nya Selawat dan salam kepada Penutup para Nabi dan Penghulu para mujtahid Saiyyiduna Muhammad Sallallah 'Alaih wa Sallam serta keluarga Baginda dan para Sahabat Radiallah Anhum. Al-Imam Jamal al-Din Abd al-Rahim al-Asnawi rahimahullah menyatakan bahawa ilmu usul fiqh mempunyai kedudukan yang tinggi berbanding dengan ilmu yang lain. Faedah mempelajarinya juga banyak. Ini kerana usul figh berfungsi sebagai satu-satunya medium untuk mengistinbat hukum syarak daripada al-Quran dan al-Sunnah. Dengan kata lain, usul figh adalah prinsip utama untuk memahami serta mentafsirkan nas-nas al-Quran mahupun hadis seterusnya menjadi solusi kepada penentuan hukum hakam syarak. Oleh itu, karya-karya yang dihasilkan oleh usuliyyun sejak dahulu sebagai satu khidmat menyebarkan ilmu yang agung ini.
Kami selaku penyunting bersama-sama dengan para penulis artikel turut berazam untuk sama-sama menyumbang hasil penulisan dengan tokoh-tokoh usul fiqh sebelum ini. Justeru, dengan izin dan limpah rahmat daripada Allah Maha Kuasa karya suntingan berjudul Usul Fiqh Prinsip dan Solusi Penentuan Hukum berjaya dihasilkan. Buku ini walaupun kelihatan sederhana fizikalnya tetapi maklumat yang terkandung di dalamnya padat dan berautoriti kerana disadur daripada karya-karya hebat ulama usul fiqh silam dan kontemporari. Pad masa yang sama, maklumat ini sukar untuk diperolehi melainkan para pembaca menelaah sendiri karya-karya usul fiqh dalam bahasa Ara Oleh itu, besar harapan kami agar buku ini menambah maklun mengenai isu-isu asas dan penting dalam ilmu usul fiqh menggunak medium bahasa Melayu. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengeta keikhlasan niat kami. Semoga dengan keikhlasan ini, kami sent dirahmati Allah dan beroleh hidayah untuk terus berkarya da bidang usul figh. Kami turut berdoa buku kecil ini diterima

dengan baik oleh pembaca dan memberi manfaat kepada penuntut ilmu sekalian. Paling penting buku ini diterima sebagai sebahagian daripada amalan baik kami untuk kami mengadap Allah SWT pada hari akhira nanti.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855250**
----------------------------------------------------------------------------------------------------

### *Sociology*

Memalangi Penindasan / W. N. Khuzairey
Petaling Jaya, Selangor: Gerakbudaya Enterprise, 2023
xix, 245p.
9789670076195
$ 12.50 / PB
295gm.

Daripada bacaan saya akan judul Memalangi Penindasan, Sdr W. N Khuzairey cuba merungkai dua sisi. Pertama, wacana yang sempit. Ia boleh saja datang dari keterpisahan atau pembelakangan daripada hujah ilmi, insani, sejarawi, sosiologi, budaya-seni dan psikologi. Wacana sempit harus dipalangi, yakni ditahan daripada merebak dan membiak. Wacana sempit Ialah bencana yang merosak.
Kedua, ada sisi puitik-politik dARIPADA cantuman "Memalangi Penindasan" yakni suara yang tertindas harus dapat kita sebut, angkat dan kupas. Dengan mengiktiraf adanya penindasan, Bererti kita harus dapat mengenal pasti mana si penindas dan siapa yang tertindas. Apabila kita gagal mengenali satu atau keduAnya, janganlah harap kita peduli akan soal penindasan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855251**
------------------------------------------------------------------------------------------------
Adat, Budaya Dan Teknologi Alam Melayu: Memacu Kesejahteraan / Asyaari Muhamad & Sri Yanti Mahadzir
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023
162p.
Include Index.
9786297547251
$ 15.00 / PB
245gm.

Buku ini adalah cetusan daripada hasil pembentangan kertas penyelidikan para ilmuwan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu (PAPAM) kali ke-2 yang berlangsung di Taichung, Taiwan. Selain Taiwan, PAPAM telah berjaya menjalinkan kerjasama dengan pihak antarabangsa yang lain termasuklah SOAS, London dalam penganjuran pertama dahulu. Penganjuran persidangan kali ini turut berjaya menyatukan dan menghimpun para sarjana/pakar/ilmuwan bidang alam Melayu merentas dunia ke Taiwan sambil menyatakan kesepaduan nada dalam mengekspresikan perjuangan, harapan, kesejahteraan hidup dan penyelesaian isu yang terkait kemapanan dan kelestarian negara bangsa.
Adat, budaya dan teknologi sememangnya memberi kesan terhadap kehidupan seharian manusia sejagat. Malaysia adalah salah sebuah negara yang kaya dengan adat dan warisan budaya yang tinggi. Tidak ketinggalan juga teknologi agung yang dihasilkan oleh masyarakat terdahulu membuktikan bahawa masyarakat Melayu mempunyai kearifan tempatan dan pemikiran yang bernilai tinggi. Justeru, penulisan berkaitan adat, budaya dan teknologi tempatan diusahakan bagi memenuhi keperluan penyelidik, profesional dan pencinta warisan budaya tempatan khususnya dan semua pembaca yang berminat amnya.
Kandungan buku ini menunjukkan kepelbagaian topik yang berkait dengan adat, budaya dan teknologi di alam Melayu yang memacu kepada kesejahteraan hidup bermasyarakat terutamanya Malaysia yang mempunyai kepelbagaian kaum yang hidup dengan harmoni. Buku ini juga

membantu dalam penyebaran maklumat global tentang adat, budaya dan teknologi masyarakat di Malaysia dan seterusnya mendidik masyarakat tentang warisan budaya dan khazanah yang dimiliki.
Ucapan ribuan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Feng Chia University (FCU) atas pembiayaan PAPAM ke-2 yang selari dengan geran penyelidikan MRUN International dan 12/Adat Budaya Dan Teknologi Alam Melayu Memacu Kesejahteraan
MoU yang ditandatangani. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada para penulis yang terlibat serta mereka yang membantu memberi pandangan dan buah fikiran yang bernas sehingga buku ini berjaya diterbitkan. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan dorongan untuk menghasilkan buku ini terutamanya pihak Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan UKM dengan kelulusan Dana Penerbitan Buku (DPB-2022-143) serta Skim Geran Inisiatif Penyelidikan-PDF (RPDF19-006-0016), dan Geran Khas (SP17-001-0263) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Semoga buku ini memberi manfaat kepada semua pembaca.
**http://www.marymartin.com/web?pid=855252**
----------------------------------------------------------------------------------------------